

09/03/2004

`Jangan manis kata di bibir, hati lain bicara'

Misiah Taib

"ADA dengar tak siapa calon nak bertanding kawasan tu?. Harap-harap bukan `dia' sebab `dia' orang luar. Yang seorang lagi tu orang tempatan. Dah lama bekerja di situ".

Begitulah luahan hati `orang kanan' sebuah parti komponen utama Barisan Nasional (BN) di Sarawak ketika ditemui di Kuala Lumpur, kelmarin.

Kawasan yang dimaksudkan itu ialah sebuah kerusi Parlimen yang kini terbuka untuk muka baru atau mungkin muka lama yang perlu berpindah ke kawasan itu, berikutan penyandang sebelum ini memilih untuk mengundur diri atas faktor usia dan sudah terlalu lama berkhidmat sebagai wakil rakyat.

Difahamkan `perang' khidmat pesanan ringkas (SMS berlaku dengan sengit di kawasan Parlimen terbabit di kalangan pelobi kedua-dua `muka baru' yang diwar-warkan akan bertanding di situ, sejak dua minggu lalu.

Pada masa sama, seorang pemimpin kanan Umno yang namanya sudah hampir pasti dicalonkan pula bernada lebih positif.

"Saya tidak ada kuasa untuk mengesahkan sama ada saya akan bertanding atau tidak. Kuasa mutlak di tangan pucuk pimpinan parti.

"Lagi pun, kalau saya kata saya bertanding, nanti tiba-tiba nama saya tidak dicalonkan, lain pula ceritanya.

"Biarlah pucuk pimpinan mengumumkan sama ada saya bertanding atau tidak. Saya akan akur dengan apa saja keputusan pucuk pimpinan, yang penting parti, bukan saya. Saya tetap bekerja untuk parti sama ada bertanding atau tidak," kata pemimpin kanan yang pernah memegang jawatan penting dalam kerajaan negeri itu.

Biarpun penulis cuba mendapatkan scoop untuk mengesahkan beliau bertanding atau tidak, pemimpin kanan berkenaan tetap mempertahankan prinsip not for me to say.

Ada pula kalangan ahli politik yang terang-terang menyatakan kesediaan untuk dicalonkan dan ada yang sudah berani membuat tempahan awal dengan mengesahkan kerusi yang ditandingi, biarpun belum diumumkan oleh pucuk pimpinan tertinggi BN.

Apa yang menarik mengenai luahan hati `orang kanan' parti di Sarawak itu berbanding dengan kenyataan pemimpin kanan Umno terbabit ialah wujud dilema antara kepentingan peribadi dan kepentingan parti.

Ketika hari penamaan calon berbaki lima hari saja lagi, debaran dan keresahan di kalangan pelobi dan bakal calon tentunya semakin meningkat.

Biarpun ikrar demi ikrar sudah dilafazkan mengenai kesetiaan kepada parti tanpa mengira di calonkan atau tidak, ada yang cuma `manis kata di bibir saja, tapi hati lain bicara'.

Mereka inilah dibimbangi akan sabotaj parti dan merosakkan parti. Tidak hairanlah Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, sering memberi peringatan jangan sekali-kali sabotaj parti, terutama bagi mereka yang kecewa kerana tidak dicalonkan.

Kelmarin, bekas Perdana Menteri yang juga penasihat pilihan raya negeri Kedah, Tun Dr Mahathir Mohamad pun memberi peringatan serupa.

Katanya, perbuatan itu dianggap sebagai satu pengkhianatan kepada parti yang menyebabkan berlakunya perpecahan yang memberi kesan kepada parti.

Justeru, sikap pentingkan diri perlu dikikis sama sekali, sebaliknya letakkan kepentingan parti di tangga teratas dalam kotak pemikiran dan sanubari setiap ahli parti.

Harus juga diingat Perdana Menteri selaku Pengerusi BN amat berhati-hati dan tegas dalam menentukan calon BN yang akan turun bertempur dalam

pilihan raya umum ke-11 yang akan diadakan pada 21 Mac ini.

Antara kriteria yang ditetapkan bagi calon BN ialah mereka mesti mempunyai kewibawaan serta boleh memberikan khidmat kepada rakyat dengan berkesan.

BN juga memeriksa latar belakang semua calonnya bagi pilihan raya akan datang untuk memastikan mereka bersih daripada masalah kewangan.

Siasatan rapi terhadap bakal calon perlu supaya tidak ada perkara yang menyusahkan atau membatalkan kedudukan mereka seperti muflis atau hutang.

Selepas melepasi proses penapisan teliti ini barulah senarai calon BN yang akan bertanding di 219 kerusi Parlimen dan 505 kerusi Dewan Undangan Negeri itu dimuktamadkan.

Selain itu, walaupun kesemua 13 parti komponen berpuas hati dan mencapai kompromi dalam soal pengagihan kerusi yang sudah pun disenarai muktamadkan pada Mesyuarat Dewan Tertinggi BN Ahad lalu, masih ada juga suara-suara sumbang yang cuba memburuk-burukkan keadaan.

Kononnya mereka mendakwa ramai penyokong parti komponen tertentu tidak berpuas hati kerana kerusi di kawasan mereka diberikan kepada parti komponen lain, sedangkan mereka selaku parti yang mewakili kaum majoriti sudah lama berkempen.

Sebenarnya perasaan sedemikian tidak perlu ada dalam diri setiap ahli parti jika mereka benar-benar menanam kesetiaan tidak berbelah pagi.

Sebagai sebuah keluarga besar yang berpayung di bawah lambang dacing, penyokong atau ahli mana-mana parti komponen perlu meletakkan kepentingan BN sebagai keutamaan, bukannya parti secara individu.

Seperti yang dikatakan oleh Pak Lah, setiap ahli parti komponen perlu memberi sokongan padu kepada calon yang bertanding, demi memastikan kemenangan BN dalam pilihan raya nanti.

Nasihat ini ditujukan khas oleh Pengerusi BN itu kepada mereka yang tidak terpilih sebagai calon atau digugurkan serta parti komponen yang tidak mendapat agihan kerusi seperti dihasratkan pada pilihan raya umum akan datang.

Bagi calon yang digugurkan, beliau turut mengingatkan mereka agar memberi sokongan kepada calon yang bertanding, seperti mana sokongan yang diberikan kepada mereka ketika menjadi wakil rakyat sebelum ini.

"Masa kita jadi wakil rakyat, orang bantu (sokong) kita, apabila kita tak jadi wakil rakyat lagi, bantulah orang lain seperti mana mereka dulu bantu kita," pesan Pak Lah.

Teringat penulis kepada kata-kata bekas Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamed Rahmat atau lebih mesra dengan panggilan Tok Mat ketika ditemui, baru-baru ini;

"Kita pegang semangat BN. Itulah nadi kekuatan kita. Kerana semangat itulah kita meletakkan kepentingan BN sebagai matlamat akhir, bukan hanya memikirkan parti secara individu.

"Memanglah anak muda menganggap sudah tiba giliran mereka dan mereka mahukan tempat tapi mereka tidak harus terlalu mendesak. Mereka juga tidak seharusnya kecewa jika tidak diberikan tempat. Perlu adaimbangan antara orang lama dan baru.

"Begitu juga muka lama. Kalau sudah sampai masa untuk mereka berundur, mereka perlu bersedia berundur. Jangan sampai rakyat sudah benci kita dan kita kalah dalam pilihan raya, baru nak berundur".

Umno dan BN harus bersedia mengorbankan pemimpin terbabit untuk menerima suara rakyat dan mempertahankan kedudukan Umno dan BN.

Apa yang berlaku di Kelantan dan Terengganu pada pilihan raya sebelum ini sudah menjadi sejarah, namun ia harus terpahat sebagai sejarah yang tidak dilupakan, sentiasa menjadi pengajaran kepada Umno dalam mengatur gerak dan bertindak. Umno dan BN tidak seharusnya 'mudah lupa'.